

25/06/2003

Persempadanan semula kawasan dilulus

DEWAN Rakyat semalam meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan 2003) yang membolehkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

mengaplikasikan persempadanan semula kawasan pilihan raya parlimen.

Berbanding ketika draf Perintah Perlembagaan persempadanan itu diluluskan pada 8 April lalu yang menyaksikan semua ahli parlimen pembangkang keluar beramai-ramai dari dewan, persidangan semalam menyaksikan pembangkang tidak bertindak sedemikian.

Sembilan ahli parlimen mengambil bahagian membahaskan usul selepas dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pagi semalam.

Ketika menggulung perbahasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Rais Yatim berkata, persempadanan semula bukan bertujuan membolehkan Kerajaan Barisan Nasional (BN) menjadikan SPR sebagai kuda tunggangan.

Sebaliknya, ia bertujuan menyelaraskan atau memudahkan wakil rakyat melawat dan mendekati rakyat, berbanding kawasan pilihan raya yang luas sebelum ini.

Menjawab hujah Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun), Rais berkata, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bukan bertujuan mengongkong pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Sebaliknya, pelajar terbabit mampu bergiat aktif dalam politik selepas menamatkan pengajian.

Selain itu, Rais berkata, SPR tidak mencadangkan penambahan kawasan pilihan raya bagi negeri tertentu kerana kawasan sedia ada sudah mencukupi sejajar jumlah pengundi di kawasan berkenaan.

Menjawab hujah Mustafa berhubung Akujanji yang ditandatangani pegawai dan kakitangan Kerajaan, Rais berkata, tidak ada dalam Akujanji yang mensyaratkan mereka wajib memberikan undi kepada calon BN, sebaliknya mensyaratkan mereka taat setia kepada kerajaan yang memerintah.